

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **DATUK DR. MAKIN @ MARCUS**
MOJIGOH [PUTATAN]
SOALAN : **DATUK DR. MAKIN @ MARCUS**
MOJIGOH minta **MENTERI**
PERTANIAN DAN INDUSTRI

menyatakan:

- (a) jenis infrastruktur yang disediakan oleh pihak Kementerian dalam menggalakkan penanaman padi di negeri Sabah; dan
- (b) mengapakah penanaman padi tidak diperkasakan di negeri Sabah dan Sarawak bagi menampung keperluan beras negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan satu kajian Pembangunan Pertanian Komersil Berasaskan Padi di Kota Belud, Sabah pada tahun 2008.

Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa terdapat kawasan seluas 10,000 hektar yang sesuai untuk penanaman padi secara komersial. Luas pabel padi di Kota Belud adalah 8,500 hektar. Kira-kira 3,929 hektar daripada jumlah luas pabel padi mempunyai intensiti penanaman padi dua (2) kali setahun manakala baki luas kawasan tersebut hanya melaksanakan penanaman satu (1) kali setahun. Berdasarkan daripada kajian tersebut, Kerajaan telah bercadang menubuhkan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud di Sabah dan cadangan penubuhan IADA Kota Belud ini telah diluluskan oleh Kabinet Negeri Sabah pada 23 Mei 2013. Keperluan cadangan penubuhan IADA Kota Belud akan melibatkan anggaran peruntukan pembangunan yang meliputi infrastruktur pengairan dan saluran, perolehan tanah dan pembinaan kompleks pejabat berjumlah RM380,800,000 bagi tempoh 2015 hingga 2020. Selain itu, kerajaan juga telah memperkenalkan Entry Point Project 11 (EPP 11) di bawah inisiatif National Key Economic Area (NKEA) di kawasan Kota Belud, Sabah seluas 5,000 hektar yang sedang dibangunkan dengan tumpuan di kawasan tanah berpotensi tinggi dan membina sistem pengurusan saluran dan pengairan hingga ke aras tersier. EPP 11 ini diwujudkan untuk memperkukuh dan menambah baik produktiviti penanaman padi di kawasan jelapang yang lain selain daripada Jelapang Muda. Kawasan yang difokuskan bagi pelaksanaan ini adalah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Kelantan, kawasan Batang Lupar di Sarawak, Kota Belud di Sabah dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) yang lain.

Antara manfaat kepada golongan petani yang menyertai program ini adalah:

- i. Meningkatkan infrastruktur kawasan tanaman padi;
- ii. Memberi pendedahan kepada teknologi baru dalam bidang penanaman padi serta pengalaman pertanian moden;
- iii. Meningkatkan kualiti pengurusan tanah, pengairan dan tanaman;
- iv. Meningkatkan pengurusan kawalan penyakit dan serangga perosak
- v. Memperluas penggunaan varieti baru padi dari lain-lain kawasan; dan
- vi. Meningkatkan kemahiran pengurusan tanah

(b) Bagi memperkasakan penanaman padi di Sarawak, Kerajaan juga telah menubuhkan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di Batang Lupar, Sarawak. Pada ketika ini, jumlah hasil pengeluaran padi di Batang Lupar pada tahun 2012 adalah sebanyak 5,558 tan metrik dengan purata hasil padi sebanyak 2.4 tan metrik sehektar. Dengan pembukaan kawasan baharu dan peningkatan kemudahan infrastruktur jelapang padi di Batang Lupar, anggaran jumlah hasil pengeluaran padi bagi IADA Batang Lupar menjelang tahun 2020 ialah 30,600 tan metrik semusim dengan sasaran purata hasil padi sebanyak 6 tan metrik sehektar. Manakala untuk negeri Sabah pula, jumlah hasil pengeluaran padi di Kota Belud pada tahun 2012 adalah sebanyak 14,000 tan metrik dengan purata pengeluaran padi sebanyak 2.8 tan metrik sehektar. Dengan pembukaan kawasan dan peningkatan

infrastruktur baharu jelapang padi di Kota Belud, anggaran jumlah hasil pengeluaran padi di IADA Kota Belud ialah 30,000 tan metrik dengan sasaran purata hasil padi sebanyak 6 tan metrik sehektar. Perancangan dan pembangunan kawasan jelapang ini dilihat dapat meningkatkan kualiti dan penambahbaikan ke atas infrastruktur dan sistem pengairan sedia ada yang akhirnya dapat meningkatkan pengeluaran padi negara seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan petani secara keseluruhan.